

14/08/1997

PM akan rasmi pintu gerbang RM900,000

KUCHING, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual mengadakan lawatan dua hari ke Sarawak, mulai Isnin ini.

Beliau dijangka tiba di Lapangan Terbang Miri pada jam 9.30 pagi dan diberi sambutan permaidani merah serta penuh warna-warni oleh pemimpin dan masyarakat pelbagai suku kaum.

Sejurus tiba, beliau akan berangkat ke Dewan Suarah Miri untuk melakukan upacara pecah tanah projek 'Miri City Fan' dan Perpustakaan Miri.

Selepas makan tengah hari di Holiday Inn Miri, Dr Mahathir akan berlepas ke Kuching dan Taman Perindustrian Demak Laut (sebelumnya dikenali sebagai Sejingkat) pada kira-kira jam 2.30 petang.

Pada sebelah malamnya, beliau akan menghadiri majlis makan malam di Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya.

Pada hari kedua, beliau dijadual merasmikan pintu gerbang berharga RM900,000 di Kampung Jaya Bakti, Matang, sebuah kawasan terpencil yang mempunyai beberapa perkampungan, kira-kira 30 kilometer dari bandar raya ini.

Pintu gerbang berkenaan tertulis perkataan "1957 Jubli Delima Malaysia 1997", sementara dikiri kanannya diletakkan potret Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Dr Mahathir yang diperbuat daripada tembaga.

Beliau juga akan menghadiri mesyuarat tertutup dengan pegawai pelancongan di taman negara itu.

Perasmian pintu gerbang itu dijadualkan pada kira-kira jam 10 pagi Selasa ini dan selepas itu Perdana Menteri akan melawat Taman Negara Kubah, kira-kira 7 kilometer dari situ.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas makan tengah hari.

(END)